KEMENTERIAN PENDIDIKAN

PENGAMBILAN PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG9 *CONTRACT OF SERVICE* (CoS) DI SEKOLAH RENDAH KEMENTERIAN PENDIDIKAN (KPM)

Kementerian Pendidikan (KPM) mempelawa graduan bukan pendidikan yang berkelayakan dan berminat untuk menyertai profesion keguruan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) di Sekolah Rendah seluruh negara.

1. KETERANGAN

1.1. Syarat dan kelayakan memohon Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) di Sekolah Rendah adalah:

(a) Warganegara Malaysia;

(b) Sihat tubuh badan;

(c) Aktif dalam kokurikulum;

(d) Umur tidak melebihi 40 tahun pada 30 Jun 2026 iaitu lahir pada atau selepas 30 Jun 1986;

(e) Memiliki indeks jisim tubuh (BMI) 32.5 dan ke bawah sahaja akan dipertimbangkan untuk panggilan temu duga;

(f) Memiliki kelayakan seperti berikut:
   i. Ijazah Sarjana Muda dengan kepujian dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan; atau
   ii. Ijazah Sarjana Muda dalam bidang berkaitan daripada institusi pengajian tinggi tempatan (universiti awam dan swasta) dan luar negara yang diiktiraf oleh Kerajaan;

(g) Memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan;

(h) Untuk opsyen mata pelajaran Bahasa Inggeris, keutamaan akan diberikan kepada calon yang mencapai sekurang-kurangnya tahap C1 berdasarkan piawaian *Common European Framework of Reference* (CEFR). Bagi calon yang memiliki diploma dalam bidang Bahasa Inggeris dan mempunyai tahap penguasaan Bahasa Inggeris B2 atau setaraf turut boleh dipertimbangkan dan dilantik sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) opsyen Bahasa Inggeris, dengan syarat calon berkenaan hendaklah memperoleh tahap CEFR C1 dalam tempoh kontrak bagi tujuan pelantikan Tetap/ Kontrak (Interim). Senarai ujian yang dijajarkan dengan CEFR adalah seperti di Lampiran 1;

(i) Bagi opsyen mata pelajaran di SJKC (kecuali Bahasa Melayu/Pendidikan Islam/Bahasa Inggeris), calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Cina di peringkat SPM;

(j) Bagi opsyen mata pelajaran di SJKT (kecuali Bahasa Melayu/Pendidikan Islam/Bahasa Inggeris), calon perlu memiliki sekurang-kurangnya Kepujian (Gred C) dalam mata pelajaran Bahasa Tamil di peringkat SPM;

(k) Calon yang sedang berkhidmat secara tetap dan berpencen boleh memohon. Walau bagaimanapun, calon perlu jelas implikasi kepada perkhidmatan jika dilantik ke Skim Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS); dan

(l) Untuk calon OKU, perlu memenuhi syarat kesihatan seperti berikut:
   i. Sihat tubuh badan (tidak termasuk dalam konteks ketidakupayaan dan tertakluk kepada Pekeliling Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran Bil. 2/2017);
   ii. Boleh mengurus diri sendiri;
   iii. Aktif dalam kegiatan kokurikulum; dan
   iv. Berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), jika berkenaan.

2. MAKLUMAT JAWATAN

2.1 Jawatan/Gred: Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS);

2.2 Gaji permulaan RM2,360.00;

2.3 Pelantikan sebagai Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) di Sekolah Rendah adalah tertakluk kepada Pekeliling Perkhidmatan Sumber Manusia (MyPPSM) Ceraian UP.1.1.1. dan Ceraian UP.1.1.8.; dan

2.4 Layak menerima caruman PERKESO berdasarkan surat Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) rujukan PKJ:KJ.208/KPM bertarikh 24 April 2019 dan surat Jabatan Perkhidmatan Awam rujukan JPA.600-12/1/11(29) bertarikh 16 Mei 2019.

3. CARA MENGEMUKAKAN PERMOHONAN

3.1 Calon yang memenuhi syarat hendaklah membuat permohonan atau mengemas kini maklumat melalui sistem pengambilan secara dalam talian. Calon hendaklah mengemukakan salinan dokumen melalui pautan yang disediakan (muat naik dokumen ke Google Drive) pada ruangan **"PERMOHONAN KURSUS"**, selaras dengan garis panduan yang telah ditetapkan semasa proses permohonan.

3.2 Setelah permohonan disahkan, calon akan menerima tarikh dan masa untuk menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) secara dalam talian. Calon wajib menduduki e-UKCG mengikut tarikh dan masa yang ditetapkan. Hanya calon yang lulus e-UKCG sahaja akan dipanggil untuk menghadiri temu duga pada tarikh dan masa yang akan dimaklumkan kemudian.

3.3 Calon adalah diingatkan untuk memastikan maklumat yang diisi atau dikemas kini di dalam myPDPP adalah tepat. Sebarang kesilapan dalam mengisi atau mengemas kini maklumat akan menjejaskan peluang untuk dipanggil temu duga.

4. MAKLUMAT DAN PERHATIAN

4.1 Calon yang layak perlu menduduki UKCG secara dalam talian sebelum ditemu duga bagi jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS);

4.2 Calon yang lulus temu duga dan ditawarkan pelantikan jawatan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) hendaklah bersetuju dan patuh dengan syarat-syarat di dalam surat tawaran serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa dan bersedia untuk berkhidmat di mana-mana sekolah sama ada di kawasan bandar atau pedalaman;

4.3 Calon yang ditawarkan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) diwajibkan mengikuti Program Diploma Pascasiswazah Pendidikan (PDPP) yang akan dikendalikan oleh Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) bagi mendapatkan ikhtisas pendidikan dengan pembiayaan sendiri dalam tempoh kontrak;

4.4 Calon yang ditawarkan pelantikan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS) dikehendaki berkhidmat di sekolah

rendah yang ditetapkan dan tidak akan dipertimbangkan sebarang permohonan pertukaran sepanjang tempoh kontrak;

4.5 Calon perlu mendapatkan surat pengiktirafan ijazah daripada MQA untuk dibawa semasa menghadiri temu duga; dan

4.6 Calon boleh menyemak taraf kelayakan pendidikan di pautan berikut:
(a) https://www2.mqa.gov.my/esisraf/kelayakan.cfm; atau
(b) https://www2.mqa.gov.my/mqr/

5. TARIKH TUTUP PERMOHONAN

20 Mac 2026 (Jumaat)

CALON YANG TIDAK LAYAK MEMOHON

1. Pernah mengikuti program ikhtisas di Institut Pendidikan Guru (IPG) tetapi gagal dalam peperiksaan dan ditamatkan pengajian.
2. Graduan pendidikan;
3. Guru interim;
4. Diisytiharkan bankrap;
5. Diberhentikan dari perkhidmatan kerajaan kerana tindakan tatatertib atau disabitkan dengan kesalahan jenayah/penyalahgunaan dadah/ditahan di bawah Akta Keselamatan Dalam Negeri;
6. Pernah atau sedang disabitkan dengan kesalahan penyalahgunaan dadah, jenayah atau tindakan mahkamah; dan
7. Memperoleh keputusan senat universiti selepas **20 Mac 2026**.

CARA MEMOHON

1. Permohonan hanya boleh dibuat secara dalam talian dengan melayari laman sesawang Institut Pendidikan Guru Malaysia (IPGM) di alamat **https://mypdpp.moe.gov.my/pdpp26 mulai 02 hingga 20 Mac 2026.**
2. Calon dibenarkan mengemukakan **satu** permohonan sahaja dan boleh mengemas kini permohonan sebelum tarikh tutup permohonan. (sila rujuk tarikh-tarikh penting pengambilan Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Gred DG9 *Contract of Service* (CoS)).
3. Calon perlu membuat **pengesahan** permohonan dan **dihantar** sebelum tarikh tutup permohonan. KPM tidak akan memproses permohonan yang tidak lengkap, tidak membuat pengesahan dan tidak dihantar pada tarikh yang telah ditetapkan.
4. Permohonan yang berjaya dihantar akan menerima **nombor rujukan** dan **tarikh menduduki e-UKCG.**

5. Sebelum membuat permohonan, calon dinasihatkan melayari laman sesawang https://mypdpp.moe.gov.my/pdpp26 bagi mendapatkan maklumat iklan, Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG), temu duga dan tarikh-tarikh penting pengambilan.

6. Calon perlu menyemak tarikh-tarikh penting dari semasa ke semasa bagi mendapatkan maklumat terkini. Walau bagaimanapun, KPM berhak meminda sebarang aktiviti dan tarikh mengikut keperluan semasa.

7. Maklumat yang tidak benar dan tidak lengkap boleh mengakibatkan permohonan ditolak.

MAKLUMAT TAMBAHAN

1. KPM tidak akan menanggung sebarang kos lain termasuk kos sewaan penginapan sepanjang tempoh pengajian.

2. KPM tidak akan bertanggungjawab terhadap implikasi yang timbul sekiranya calon perlu melepaskan jawatan bagi menerima tawaran pelantikan.

3. KPM berhak menawarkan bidang pengkhususan yang berlainan dengan bidang yang dimohon mengikut keperluan KPM.

4. Calon yang berjaya hendaklah bersetuju dan patuh dengan terma-terma dalam surat tawaran pelantikan dan dokumen perjanjian pegawai kontrak serta pindaan-pindaan yang dibuat ke atasnya dari semasa ke semasa.

PERINGATAN

Calon yang didapati memberi maklumat salah/tidak benar/manipulasi maklumat dalam borang permohonan akan diambil tindakan dengan menarik balik surat tawaran dan dikenakan tindakan undang-undang di bawah Kanun Keseksaan [Akta 574]. Maklumat permohonan ini akan disemak secara terperinci pada hari pendaftaran dan selama tempoh pengajian dari semasa ke semasa.

TARIKH TUTUP PERMOHONAN PADA
20 MAC 2026 (11.59 MALAM)

Sila hubungi alamat berikut sekiranya terdapat sebarang pertanyaan berkaitan dengan permohonan:

INSTITUT PENDIDIKAN GURU MALAYSIA
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
ARAS 1-3, BLOK 2250 JALAN USAHAWAN 1
63000 CYBERJAYA, SELANGOR DARUL EHSAN
(u.p: Jabatan Pengambilan dan Penempatan, Pusat Hal Ehwal Pelajar)

No. Telefon : 03-8312 6733/ 6760/ 6723/ 6720/ 6768/ 6693

KEMENTERIAN PENDIDIKAN

TARIKH-TARIKH PENTING PENGAMBILAN
PEGAWAI PERKHIDMATAN PENDIDIKAN GRED DG9
CONTRACT OF SERVICE (CoS)
KEMENTERIAN PENDIDIKAN
AMBILAN TAHUN 2026

BIL	AKTIVITI	TARIKH
1	Paparan iklan di portal rasmi KPM	23 Februari 2026
2	Permohonan dalam talian dibuka dan makluman tarikh untuk menduduki Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG)	02 – 20 Mac 2026
3	Permohonan dalam talian ditutup	20 Mac 2026 (Jam 11.59 malam)
4	Pelaksanaan Ujian Kelayakan Calon Guru (e-UKCG) secara dalam talian	30 Mac – 8 April 2026
5	Semakan keputusan panggilan temu duga	22 April 2026
6	Pelaksanaan temu duga	27 April – 22 Mei 2026
7	Semakan keputusan permohonan berjaya (Tawaran COS Sementara)	30 Jun 2026
8	Muatnaik dokumen kesihatan	30 Jun – 16 Julai 2026
9	Semakan keputusan permohonan berjaya (Tawaran COS)	September 2026
9.	Kemaskini maklumat calon berjaya dalam e-Graduan	Oktober 2026
10.	Tawaran lantikan PPP DG9 COS	November 2026
11.	Tawaran mengikuti pengajian PDPP (KDC) di IPG Kampus	November 2026
10.	Pendaftaran Guru DG9 COS ke sekolah	Januari 2027
11.	Pendaftaran PDPP (KDC) -COS di IPG Kampus	Januari 2027

** Tarikh dan aktiviti tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa*
** Calon perlu membuat semakan bagi setiap keputusan bagi saringan e-UKCG, temu duga dan keputusan berjaya di laman sesawang* **https://mypdpp.moe.gov.my/pdpp26**

Lampiran 1

SENARAI UJIAN YANG DIJAJARKAN DENGAN CEFR

BIL	UJIAN	SKOR	PENARAFAN CEFR
1.	Malaysian University English Test (MUET)	294-330 (Band 5)	C1
		331-360 (Band 5+)	C1+
2.	International English Language Testing System (IELTS)	7.0 - 8.0	C1
		9.0	C2
3.	C2 Proficiency	180 – 199	C1
		200 – 230	C2
4.	Aptis Advanced	All components 25% weightage	C1/C2
5.	Aptis Remote		
6.	C1 Advanced (dulu dikenali sebagai CPE)	180 – 192 (Grade C)	C1
		193 – 199 (Grade B)	
		200 – 210 (Grade A)	C2
7.	Test of English as a Foreign Language (TOEFL)	94 – 114 (Good User)	C1
		115 – 117 (Very Good User)	C2
		118 – 120 (Expert User)	
8.	Linguaskill	180+	C1
9.	*Edusynch CEFR Level Test*	C2	C2
		C1+, C1, C1-	C1

Sumber: Lampiran Surat Pekeliling Ikhtisas Bilangan 1 Tahun 2020